

MAHATHIR - RAJIN

1984

SANDAKAN, 24 JULAI (BERNAMA) - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI USAHA-USAHA PERLU DIBUAT UNTUK MENINGKATKAN KEMAMPUAN RAKYAT TEMPATAN DALAM BIDANG KEJURUTERAAN SUPAYA NEGARA, DAPAT MENGHASILKAN LEBIH BANYAK KOMPONEN DALAM BIDANG TERSEBUT.

PERDANA MENTERI X MENSIFATKAN TRAK BUATAN MALAYSIA YANG PERTAMA KELUARAN SYARIKAT MALAYSIA TRUCK SDN. BHD. (MALTRAK) DI SINI SEBAGAI SATU KEJAYAAN KEJURUTERAAN YANG DICAPAI OLEH RAKYAT TEMPATAN.

+ SAYA HARAP TRAK BUATAN MALAYSIA AKAN MENCAPAI 'KEMAJUAN KELAK' WALAUPUN MALTRAK BELUM LAGI MEMPUNYAI KEBENARAN DARI KERAJAAN PUSAT UNTUK MENGELUARKANNYA + KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA DI SINI.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR TRAK SEBERAT 60 HINGGA 80 TAN ITU ADALAH AMAT SESUAI UNTUK KEGUNAAN DI KAWASAN-KAWASAN PEMBALAKAN DAN REMBUATANNYA ADALAH KEMAS SEKALI. INI MENUNJUKKAN KEMAMPUAN ORANG MALAYSIA DALAM BIDANG KEJURUTERAAN.

MENGENAI LAWATANNYA KE WILAYAH PERBOKUTUAN LABUAN BELIAU BERKATA USAHA-USAHA SEDANG DIBUAT OLEH KERAJAAN PUSAT UNTUK MENARIK LEBIH RAMAI PELABUR TERUTAMA DALAM INDUSTRI RINGAN DAN PERNIAGAAN KE SANA.

- - LAGI

1215MST 24, 07 84"

MAHATHIR - RAJIN 2 SANDAKAN

ANTARANYA IALAH MENAMBAK TANAH DX SEKITAR LABUAN UNTUK MENEMPATKAN LEBIH BANYAK INDUSTRI RINGAN. PELABUHAN LABUAN MUNGKIN DISWASTAKAN DENGAN PENYERTAAN PERBADANAN TENAGA SABAH YANG TELAH PUN MENYATAKAN MINAT UNTUK MENYERTAINYA BERSAMA-SAMA BEBERPA SYARIKAT SWASTA YANG LAIN.

MALAM TADI KETIKA BERUCAP KEPADA PENDUDUK SANDAKAN DIDEWAN MASYARAKAT DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGGATKAN BAHAWA KEKAYAAN TIDAK AKAN DATANG MENGGOLEK WALAUPUN SABAH DAN MALAYSIA KESELURUHANNYA KAYA DENGAN KAYU BALAK, MINYAK DAN TIMAH.

+BAHAN-BAHAN MENTAH ITU PERLU DIUSAHAKAN SECARA BERDEDIKASI OLEH RAKYAT SEBELUM IA DAPAT DIJADIKAN PUNCA KEKAYAAN, +TEGASNYA.

KATANYA, KERAJAAN TELAH MELAHIRKAN BANYAK SLOGAN UNTUK MEMBANGKITKAN SEMANGAT PEMIMPIN DAN RAKYAT SUPAYA LEBIH RAJIN, BERDEDIKASI DAN BERDISIPLIN AGAR DAYA PENGELUARAN NEGARA MENINGKAT.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI MENINGGATKAN SUPAYA KEKAYAAN DAN KEMEWAHAN YANG DIPEROLEHI TIDAK DISALAHGUNAKAN SEHINGGA MEMBAZIR.

SEBALIKNYA IA HARUS DIGUNAKAN SECARA BIJAKSANA UNTUK MENGHADAPI KEMUNGKINAN ZAMAN KEMEROBOTAN DAN KEMELESETAN, -- LAGI

MAHATHIR - RAJIN 3 SANDAKAN.

KEPADA PENDUDUK SABAH, PERDANA MENTERI MENYERU SUPAYA BERSABAR KERANA KERAJAAN PUSAT BERSEDIA MEMBERI PERUNTUKAN YANG LEBIH BESAR KEPADA NEGERI INI UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK UTAMA SEPERTI JALANRAYA YANG LEBIH BAIK.

BELIAU JUGA MENASIHATKAN MEREKA AGAR TIDAK TERDORONG ATAU DIPENGARUH OLEH ANASIR-ANASIR JAHAT YANG SENGAJA BERUSAHA MENIMBULKAN MASALAH BAGI MEREKA DAN NEGARA.

SEMENTARA ITU DALAM UCAPANNYA BAGI PIHAK PENDUDUK SANDAKAN, MENTERI PEMBANGUNAN SUMBER NEGERI ENCIK STEPHEN WONG MENSIKATKAN DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBAGAI SEORANG PEMIMPIN YANG UNGGUL DI RANTAU INI YANG DIAKUI KETOKOHANNYA SEBAGAI NEGARAWAN YANG BERWIBAWA DAN BERPANDANGAN JAUH.

BELIAU JUGA MERAKAMKAN SOKONGAN PENUH PENDUDUK SANDAKAN KEPADA KEPIMPINAN PERDANA MENTERI UNTUK MEMBINA SEBUAH NEGARA MALAYSIA YANG KUKUH DAN BERSATU PADU.

+KAMI YAKIN SEGALA DASAR YANG TELAH DIGUBAL SEPERTI PANDANG KE TIMUR, KONSEP KEPIMPINAN MELALUI TELADAN DAN PERSYARIKATAN MALAYSIA AKAN DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN JAYANYA, +TEGASNYA.

PERDANA MENTERI DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH SERTA ROMBONGAN TELAH DIBERI UCAPAN SELAMAT JALAN YANG MERIAH DI LAPANGAN TERBANG SANDAKAN PAGI INI SETELAH MELAWAT SEHARI KE SINI.

LAGI.

1252MST 24 07 a 4

D935

R B428 BAH EMA

MAHATHIR - RAJIN 4 SANDAKAN

ANTARA YANG MENGUCAPKAN SELAMAT JALAN IALAH KETUA MENTERI DATUK HARI SALLEH DAN DATIN RUPIAH, PARA MENTERI KABINET NEGERI, KETUA-KETUA JABATAN DAERAH DAN PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT. -- BERNAMA